

Bil: (58)dlm.JK/IP 39/54-U

Tarikh: 12hb. Oktober, 1981

Semua Y.A. Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan,  
Kuala Lumpur.

Semua Y.A. Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Tanah Melayu.

Semua Y.B. Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi,  
Tanah Melayu.

Semua Yang Dipertua, Mahkamah Sesyen, Tanah Melayu.

Semua Majistret, Mahkamah Majistret, Tanah Melayu.

Semua Penolong Kanan Pendaftar/Penolong Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi, Tanah Melayu.

Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar (U) Bil. 13 Tahun 1981

Penggunaan Bahasa Malaysia Di Mahkamah

Adalah saya diarah merujuk kepada Pekeliling Pendaftar No. 12 Tahun 1981 bertarikh 21hb. Setember, 1981 di atas tajuk yang sama dan menjelaskan:

- i) sebagai ganti kepada panggilan "Your Honour", istilah-istilah berikut hendaklah digunakan:
  - (a) "Tuan/Puan Yang Dipertua" bagi Yang Dipertua, Mahkamah Sesyen;
  - (b) "Tuan/Puan Majistret" bagi Majistret; dan
  - (c) "Tuan/Puan" bagi kedua-duanya di mana sesuai.
- ii) berhubung dengan "proviso" yang terdapat di dalam paragraf 11 (Keterangan Saksi-saksi), 12 (Pemeriksaan, Pemeriksaan Balas dan Pemeriksaan Semula Saksi-saksi) dan 13 (Hujjah-hujjah) yang memberi budibicara (discretion) kepada mahkamah samada hendak membenarkan keterangan saksi-saksi (paragraf 11) itu diterjemah ke Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris; pemeriksaan-pemeriksaan (paragraf 12) dan hujjah-hujjah

(paragraf 13) itu dibuat dalam Bahasa Malaysia, atau Bahasa Inggeris baik kesemuanya atau sebahagian daripadanya, faktor-faktor berikut, antara lain, hendaklah dipertimbangkan:

- (a) adakah ianya akan menjejaskan keadilan dalam kes itu? Dalam lain perkataan, adakah penggunaan Bahasa Malaysia dalam perkara-perkara itu akan menyebabkan sesuatu pihak itu tidak dapat mengemukakan kesnya dengan baik sehingga menyebabkan keputusan mahkamah di dalam kes itu berlainan dari sepatutnya?;
- (b) adakah kes itu satu kes yang sukar baik dari segi kenyataannya atau undang-undang yang terlibat di dalamnya;
- (c) adakah peguam-peguam yang terlibat di dalam kes itu menguasai Bahasa Malaysia yang cukup untuk mengendalikan kesnya itu? Memangnya sukar untuk mengseimbangkan matlamat negara dengan kepentingan peguam-peguam dan pihak-pihak yang diwakili mereka dalam perkara ini. Tetapi seorang peguam yang telah lanjut umurnya yang tidak berpeluang mempelajari Bahasa Malaysia langsung semasa sekolahnya sepatutnya mendapat simpati yang lebih bagi mengendalikan kes-kesnya dalam Bahasa Inggeris. Ini tidak pula bererti bahasa beliau tidak perlu mengambil hirau langsung untuk mempelajari bahasa itu. Asalkan semua pihak menunjukkan minat dan usaha yang bersungguh-sungguh untuk menggunakan Bahasa Malaysia, asalkan pihak mahkamah sedar bahawa matlamat utamanya ialah untuk mencapari keadilan dan seberapa yang boleh melalui Bahasa Malaysi, maka mereka adalah melakukan suatu yang betul;
- (d) adakah dengan menggunakan Bahasa Malaysia itu maka kes yang hendak dibicarakan itu terpaksa ditangguh, atau kalau dijalankan juga sehingga menjejaskan keadilan?

2. Mungkin ada faktor-faktor lain yang seharusnya dipertimbangkan. Panduan ini tidaklah menueluruh.

3. Kebijakan dalam menggunakan budibicara Tuan/Puan amatlah penting.

t.t.

( ABDUL HAMID BIN HAJI MOHAMED )  
Timbalan Pendaftar.

s.k.

- 1) Y.A.A. Ketua Hakim Negara, Malaysia  
Mahkamah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- 2) Y.A. Pemangku Hakim Besar, Mahkamah Tinggi, K.Lumpur
- 3) Y.A. Hakim Besar, Borneo.
- 4) Y.B. Peguam Negara Malaysia, Jabatan Peguam Negara,  
Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur.
- 5) Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi, Sorneo,
- 6) Y.B. Peguamcara Negara, Jabatan Peguam Negara,  
Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur.
- 7) Ketua Bahagian Sibil, Jabatan Peguam Negara,  
Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur.
- 8) Ketua Bahagian Jenayah, Jabatan Peguam Negara,  
Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur.
- 9) Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Borneo.
- 10) Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Borneo,
- 11) Semua Penasihat Undang-Undang Negeri Tanah Melayu.
- 12) Semua Tinbalan Pendakwa Raya, Negeri-negeri Tanah Melayu.
- 13) Yang Dipertua Majlis Peguam Malaysia, Lot 5.55, 5th Floor,  
Wisma Central, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- 14) Setiausaha, Majlis Peguam Malaysia, Lot 5.55, 5th Floor,  
Wisma Central, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- 15) Setiausaha, Jawatankuasa Peguam Tempatan,  
Negeri-negeri Tanah Melayu.
- 16) Managing Editor, Malayan Law Journal (Pte) Ltd,  
1302-1304, Shenton House, Shenton Way, Singapore 106.
- 17) Editor, INSAF,  
C/o Bar Council, Malaysia, Lot 5.55, 5th Floor,  
Jalan Ampang, Wisma Centra, Kuala Lumpur.
- 18) Malaysia Law Publishers (M) Sdn. Bhd.  
201, 2nd Floor, Lee Yang Lian Building,  
Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur.
- 19) Ahli-ahli Jawatankuasa Perlaksanaan Bahasa Malaysia di mahkamah.